

**Masyarakat Felda Diharap Terus Sokong BN Untuk Kesenambungan Kejayaan -  
Muhyiddin  
Bernama  
29 April, 2013**

LABIS, 29 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini meminta masyarakat Felda supaya terus menyokong Barisan Nasional (BN) untuk penetapan usaha memacu kejayaan masyarakat itu.

Timbalan perdana menteri berkata kemajuan yang dinikmati masyarakat Felda hari ini merupakan kesinambungan usaha kepimpinan BN sejak organisasi itu ditubuhkan.

"Felda hari ini menjadi organisasi yang boleh dibanggakan. Saya tidak pernah ragu-ragu terhadap warga Felda kerana mereka ialah pendukung kuat BN.

"Jadi, adalah wajar masyarakat Felda terus menyokong BN kerana saudara-saudari berada di sini juga kerana BN. Kehidupan yang lebih baik kerana BN dan dapat manfaat yang lebih baik pun sebab BN," katanya.

Muhyiddin yang akan mempertahankan kerusi Parlimen Pagoh berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penutup Program Jaringan Kolaborasi Strategik dan Pembangunan Persekitaran Lestari di Gugusan Felda Maokil di sini.

Timbalan perdana menteri berkata masyarakat Felda pada hari ini semakin membangun dengan petempatan mereka mempunyai sistem jalan raya yang baik dan peneroka memiliki rumah yang selesa berbanding dahulu.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata walaupun ada cubaan pembangkang untuk meracuni fikiran masyarakat Felda, namun beliau yakin mereka tidak terpedaya dengan tipu helah itu.

"Pembangkang berkempen dengan membuat janji-janji yang sedap didengar tetapi tidak menjelaskannya secara terperinci.

"Jadi, saya harap masyarakat Felda jangan tertipu. Kita kena bijak menilai demi masa depan generasi anak muda," katanya.

Sementara itu Muhyiddin turut memuji program kolaborasi strategik yang bertujuan membangunkan persekitaran lestari di kawasan komuniti itu.

Katanya selain meningkatkan pendapatan, warga Felda perlu memberi penekanan kepada usaha memelihara alam sekitar dan mencantikkan kawasan persekitaran.

Program tiga hari itu merupakan kerjasama antara Felda, Universiti Teknologi Malaysia, Landskap Johor dan Kolej Komuniti Muar.

Turut hadir calon BN bagi DUN Bukit Serampang Ismail Mohamed dan calon Jorak Datuk Dr Sharuddin Md Salleh.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946101>

